



KERJA-KERJA PEMBAIKAN RUMAH API LAMA "ONE FATHOM BANK", DI PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut, Pengusaha Bot, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 5 Februari 2004.

Dimaklumkan bahawa Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Malaysia, sebagai Pegawai Penguasa Projek kini sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan ke atas rumah api lama "One Fathom Bank". Kerja-kerja pembaikan yang telahpun bermula sejak awal Februari 2004 itu dijangka akan tamat pada 18 April 2005. Kerja-kerja tersebut yang juga merupakan projek Fasa Satu itu hanyalah tertumpu pada kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan di atas bangunan rumah api itu sahaja, dan tidak melibatkan sebarang pembinaan di luar bangunan atau di luar struktur rumah api itu.

2. Dimaklumkan juga bahawa di sepanjang tempoh projek, sebuah barj besi bernama PAMARA 23 dengan panjang (LOA) 36 meter dan sebuah bot tunda bernombor BPK 595T dengan panjang (LOA) 16 meter akan digunakan dalam kerja-kerja tersebut. Barj berkenaan ditambatkan di kedudukan pada Garisan Lintang 02° 53.21' Utara dan Garisan Bujur 100° 59.69' Timur, kira-kira 100 meter jaraknya dari bangunan rumah api lama "One Fathom Bank" dengan menggunakan empat buah sauh, dengan sebuah sauh di setiap penjuru barj. Barj tersebut dipasangkan dengan lampu penanda (*Light Beacon*) berwarna kuning dengan rentak kelipan lampu "Fl.Y 2s". Lampu bikon kuning dengan jarak penglihatan kira-kira 3 batu nautika itu dipasangkan pada satu lokasi di atas barj setinggi kira-kira 4 meter dari paras air, yang boleh dilihat dari semua sudut di sekeliling. Di samping itu, lampu-lampu limpah juga dipasangkan di atas dek barj, bagi menerangkan kawasan kerja.

3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

(**MOHD SANI BIN ROSLI**)
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

s.k: (i) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
(ii) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Dasar & Perkhidmatan Korporat,
Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)